

21/09/2002

PM belum fikir lantik Menteri Kewangan baru

reports on "Bajet 2003" by Kadir Dikoh; Nadzim Ahmad Jamaluddin;
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum memikirkan mengenai pelantikan Menteri Kewangan baru walaupun pelbagai pihak terutama media kerap bertanyakan mengenai perkara itu.

"Anda kerap mengingatkan saya. Saya belum memikirkan mengenainya. Permohonan dialu-alukan," kata Perdana Menteri berseloroh apabila ditanya wartawan agensi berita asing selepas membentangkan Belanjawan 2003 di lobi Parlimen petang ini.

Ditanya sama ada bajet baru yang dibentangkannya hari ini adalah kali terakhir beliau berbuat demikian sebelum bersara Oktober tahun depan, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata:

"Tidak, diharapkan saya akan menyampaikannya (bajet 2004) kecuali jika sakit," katanya sambil mengesat hidungnya kerana selesema.

Dr Mahathir berkata, walaupun beliau akan bersara Oktober tahun depan, pembentangan bajet lebih awal iaitu pada September 2003 memandangkan bulan puasa lebih awal tahun depan.

Ketika membentangkan Bajet 2003 setebal 79 halaman selama dua jam 45 minit di Parlimen sebelum itu, Dr Mahathir menyampaikan serangkap puisi berbunyi:

"Perjuangan kita belum selesai
Kerana hanya yang cekal dan tabah
Dapat membina mercu tanda
Bangsanya yang berjaya
Keranamu Malaysia"

Mengenai bajet kali ini, beliau berkata ketiadaan kenaikan cukai tidak akan menjejaskan sumber kewangan kerana kerajaan mahu mengambil langkah mengutip cukai dengan lebih cekap dengan tenaga penguat kuasa yang cukup

Bagaimanapun katanya, bajet kali ini lebih ditumpukan kepada generasi muda dengan kerajaan memberi peruntukan banyak untuk perbelanjaan pendidikan pelajar sekolah rendah dan menengah.

Sambil mengakui Bajet 2003 adalah pelaburan untuk generasi akan datang, Perdana Menteri berkata, keadaan kini berbeza dengan bajet terdahulu yang banyak menumpukan kepada pendidikan di peringkat tertinggi.

Dalam Bajet 2003, kerajaan memperuntukkan RM14 juta bagi pendidikan rendah dan menengah manakala RM8 juta bagi pendidikan tinggi. Kerajaan juga menyediakan peruntukan hampir RM5 bilion bagi tempoh 2002 hingga 2008 untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah.

Dr Mahathir menjelaskan, peruntukan RM5 bilion itu antara lain bagi pembelian komputer bagi meningkatkan pengajaran setelah kerajaan membuat keputusan melaksanakan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah.

Bagaimanapun katanya, keputusan sama ada untuk mengajar dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris bagi peringkat sekolah rendah atau menengah saja belum dimuktamadkan.

"Kita beli komputer untuk meningkatkan pengajaran. Sebagaimana saya beritahu, kita nak guna komputer untuk mengajar, bukan nak ajar Inggeris saja. Kita kena siapkan. Komputer tak murah. Kita hendak guna projektor, tapi harganya RM13,000 satu," katanya.

Pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris itu akan dilaksanakan di sekolah menengah dan rendah.

Mengenai pendirian parti komponen Barisan Nasional (BN) yang belum

memutuskan persetujuan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris itu, beliau berkata: "Itu tak termasuk kira (belum diputuskan), jadi kita buat persediaan."

Ditanya sama ada kerajaan akan membuat perubahan kepada tambatan ringgit RM3.80 bagi setiap dolar Amerika yang dilaksanakan sejak 1998, Dr Mahathir berkata pihak perniagaan tidak menghadapi masalah dengan dasar itu.

"Anda fikir begitu?. Tiada siapa mengadu kecuali media. Perniagaan lebih mudah kerana nilai wang diketahui tanpa (membuat) lindung nilai atau apa," katanya.

Mengenai cukai korporat yang tidak dikurangkan kecuali bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), beliau berkata Malaysia tidak mengenakan cukai ke atas dividen seperti di beberapa negara lain termasuk Taiwan, Singapura dan Thailand.

"Mereka mengenakan cukai ke atas dividen dan jika ditambah, ia sebenarnya tidak rendah. Berdasarkan kajian kita, kadar itu tidak baik apabila ditambah cukai ke atas dividen," katanya.

Dr Mahathir berkata, jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang agak tinggi tahun depan adalah kerana tahapnya bagi tahun ini rendah dan dengan itu lebih mudah mencapai pertumbuhan tinggi.

Selain itu, ia juga didorong oleh permintaan tinggi yang akan membantu industri perusahaan untuk tumbuh termasuk sektor perkhidmatan.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak boleh terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) dan mahu sumbangan lebih besar daripada sumber dalam negara apatah lagi banyak FDI mengalir ke China.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu sama ada benar atau tidak bahawa anggota Jemaah Islamiyah (JI) yang ditahan tahun lalu mahu menggulingkan kerajaan Malaysia seperti dilaporkan dari Singapura semalam.